

## ORIGINAL ARTICLE



**MJSSH**  
Muallim Journal of  
Social Science and Humanities

## PENGLIBATAN IBU BAPA DALAM PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR SEKOLAH TAMIL DI SELANGOR

## PARENTS INVOLVEMENT IN SELANGOR TAMIL SCHOOL STUDENTS' ACADEMIC ACHIEVEMENT

**Shanti Ramalingam<sup>1</sup>; Mahendran Maniam<sup>2</sup>;  
Gunasegaran Karuppanan<sup>3</sup>**

<sup>1</sup>Calon Ijazah Kedoktoran, Universiti Selangor, Malaysia / Doctoral Candidate, University of Selangor, Malaysia. Email : [shanti.usm@gmail.com](mailto:shanti.usm@gmail.com)

<sup>2</sup>Profesor Madya, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia / Associate Professor, Sultan Idris Education University, Malaysia. Email: [mahendran@fbk.upsi.edu.my](mailto:mahendran@fbk.upsi.edu.my)

<sup>3</sup>Profesor Madya, Universiti Selangor, Malaysia / Associate Professor, University of Selangor, Malaysia. Email: [drguna@unisel.edu.my](mailto:drguna@unisel.edu.my)

DOI: <https://doi.org/10.33306/mjssh/24>

### Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti kepentingan penglibatan ibu bapa dalam pencapaian akademik pelajar di sekolah Tamil melalui model perkongsian sekolah dan keluarga. Kajian ini memfokuskan penglibatan ibu bapa kepada enam aspek utama mengikut teori Epstein iaitu aspek keibubapaan, aspek komunikasi, aspek pembelajaran di rumah, aspek membuat keputusan, aspek kolaborasi dengan komuniti dan aspek kesukarelawanan yang membolehkan penglibatan ibu bapa dengan kerjasama sekolah dan komuniti luar untuk meningkatkan pencapaian akademik pelajar. Kajian ini melibatkan siasatan naturlistik dengan menggunakan temubual separa berstruktur ke atas empat orang guru besar dari sekolah pencapaian tinggi (Gred A) dan sekolah pencapaian rendah (Gred B) sebagai sampel kajian dan juga guru sekolah yang mempunyai pengalaman mengajar lebih dari 15 tahun bagi kaedah kuantitatif. Instrumen kajian yang digunakan ialah borang soal selidik dan temuduga responden. Kesemua data diproses dengan menggunakan bantuan perisian program SPSS untuk mendapatkan frekuensi, peratusan, skor min, korelasi Pearson dan korelasi canonical. Manakala analisis tematik digunakan untuk melaporkan dapatan temubual. Dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan positif yang signifikan antara penglibatan ibu bapa dalam meningkatkan pencapaian akademik pelajar iaitu dalam aspek pembelajaran di rumah, aspek keibubapaan, aspek membuat keputusan dan aspek

kesukarelawan sahaja. Oleh yang demikian beberapa cadangan dibuat bagi mempertingkatkan penglibatan ibu bapa terhadap pencapaian akademik.

**Kata Kunci:** Penglibatan ibu bapa, Pencapaian akademik pelajar dan Sekolah Tamil.

### Abstract

This study aims to identify the importance of involvement of parents in academic achievement of students in Tamil schools through school and family partnership model. This study focuses on the involvement of parents in six main aspects of Epstein theory, parenting, communication, learning at home, decision making, community collaboration and volunteerism that enable parental involvement in collaboration with schools and outside communities in order to improve students' academic achievement. This study involved naturalistic investigations using semi structured interviews on four Grade A high achieving Tamil school teachers and low achieving Grade B schools as sample of the study and also school teachers with more than 15 years of teaching experience to collect quantitative data . Questionnaire and respondent interview were used to collect data. All data were processed using SPSS program software to obtain frequency, percentage, mean score, Pearson correlation and canonical correlation. While thematic analysis was used to report interview findings. The findings showed that there was a significant positive relationship between parents' involvement and students' academic achievement, namely in home teaching, parenting, decision-making and volunteerism. Hence some suggestions were made to enhance the involvement of parents on academic achievement.

**Keywords:** Academic achievement, Epstein Model, Parent involvement.

This article is licensed under a Creative Commons Attribution-Non Commercial 4.0 International License



Received 8<sup>th</sup> May 2019, revised 25<sup>th</sup> May 2019, accepted 10<sup>th</sup> June 2019

### Pengenalan

Pendidikan merupakan satu anugerah untuk memperbaiki dan mempertingkatkan taraf sosial dan ekonomi seseorang dengan hasil usaha mereka sendiri (Mohd Amin, 1998)<sup>1</sup>. Bagi mencapai kejayaan dalam bidang pendidikan, usaha pelajar itu sahaja pasti tidak akan mencukupi. Peranan pelbagai pihak, terutama guru dan ibu bapa amat penting dalam mempengaruhi proses pembelajaran pada masa kini (Noraini, 2002)<sup>2</sup>. Sekolah, sebagai organisasi utama bertanggungjawab untuk mendidik dan membentuk para pelajar bagi menghadapi masa depan mereka (Coleman, 2006)<sup>3</sup>.

Di Malaysia, kebanyakan guru menyedari bahawa ibu bapa sepatutnya lebih banyak diberi pendedahan dengan melibatkan mereka dalam proses pembelajaran anak-anak mereka sepanjang masa. Ibu bapa sepatutnya diberi pendedahan yang mencukupi oleh guru bagi membolehkan mereka memahami sepenuhnya konsep kerjasama ibu bapa dengan guru. Persepsi kebanyakan guru mengenai peranan dan fungsi ibu bapa di dalam Persatuan Ibu Bapa dan Guru berada di tahap sederhana sahaja (Merton, 2006)<sup>4</sup>.

Ibu bapa perlu melibatkan diri secara aktif dan berterusan dengan pihak sekolah manakala sekolah juga harus berinteraksi secara berterusan dengan ibu bapa. Sekolah dan keluarga mestilah bekerjasama dan berkolaborasi bersama kerana tiada di antara mereka yang boleh bergerak bersendirian. Hasil kerjasama ini akan memberi manfaat kepada sekolah bagi menghadapi dan mengatasi cabaran-cabaran era baru, seperti pencapaian matlamat Wawasan 2020 dan juga sekolah Berprestasi Tinggi dan Sekolah Cluster.

### **Latar belakang kajian**

Kecemerlangan akademik merupakan asas untuk mengukur kejayaan seseorang pelajar dalam semua peringkat dari alam persekolahan hinggalah ke Institusi Pengajian Tinggi (Epstein, 1994)<sup>5</sup>. Tugas mendidik tidak boleh hanya dipertanggungjawabkan pada guru tetapi kerjasama daripada ibu bapa sangat diperlukan dalam proses pembelajaran harian (Lawson dan Hooper-Briar, 1997)<sup>6</sup>. Semua individu yang terlibat dalam sesebuah organisasi pendidikan seperti pelajar, ibu bapa, guru dan pengetua sekolah berinteraksi antara satu sama lain untuk membentuk satu hubungan yang mesra. Sekolah, ibu bapa dan komuniti adalah tiga perkara utama di mana pelajar mendapat pendedahan kepada dunia luar. Ianya saling berkaitan antara satu sama lain dan dapat mempengaruhi pembelajaran dan pengalaman pelajar secara langsung (Epstein, 1991)<sup>7</sup>.

Sekolah adalah satu institusi yang bertanggungjawab untuk melahirkan insan yang ideal dari segi kognitif, emosi, sosial dan tumbesaran dan perkembangan fizikal anak-anak (Shartrand, Kreider dan Erickson, 1997)<sup>8</sup>. Sekolah juga mampu untuk memenuhi pelbagai dimensi yang diperlukan oleh anak-anak dalam mencapai matlamat tersebut. Penglibatan keluarga dan kolaborasi mereka adalah diperlukan bagi memenuhi matlamat, tambahan pula ibu bapa merupakan guru pertama kepada anak-anak dan mereka secara tidak langsung terlibat dalam mendidik anak-anak mereka (Bachman dan Heather, 2010)<sup>9</sup>.

Matlamat “tanggungjawab bersama” ini juga akan memberi laluan kepada kelahiran teknologi yang menyokong kepada sekolah Cluster dan Berprestasi Tinggi sebagai sebahagian daripada penambahbaikan strategi pendidikan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 – 2025.

Sistem pendidikan kini akan melibatkan perubahan budaya dan amalan sekolah-sekolah di Malaysia di mana prinsip guru-guru, ibubapa dan semua kakitangan lain diperlukan untuk

melaksanakan peranan baru dan tanggungjawab bersama. Dalam menjayakan matlamat ini, sebahagian sekolah telah dipilih sebagai perintis Sekolah - Sekolah Cluster dan Sekolah Berprestasi Tinggi pada Januari 2013, dan Kementerian Pelajaran berharap untuk menjadikan hampir 80 peratus sekolah di negara kepada sekolah Cluster menjelang 2020 nanti.

Secara khususnya, kajian ini akan menfokuskan kepada penglibatan ibu bapa etnik India dalam proses pembelajaran dan pengajaran serta akan memfokuskan kepada Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di mana sampel kajian dipilih. Ini disebabkan kurangnya penglibatan ibu bapa etnik India dalam proses pendidikan anak-anak mereka agak ketara kerana jurang ekonomi dan peningkatan peratusan penglibatan remaja etnik India didalam aktiviti yang dilarang oleh undang-undang negara membari gambaran kurangnya bimbingan kepada golongan ini oleh ibu bapa dan masyarakat (Dhanapal, 2007)<sup>10</sup>.

### **Masalah kajian**

Sistem pendidikan di Malaysia mengamalkan polisi pemusatan di mana sekolah-sekolah dikawal oleh satu badan utama, iaitu Kementerian Pelajaran. Namun begitu, sistem pemusatan ini jarang sekali menekankan kepada penglibatan ibu bapa, keluarga, komuniti dan persekitaran luar dalam pengurusan operasi sekolah. Perkara ini lebih menonjol di kalangan sekolah Tamil, terutamanya sekolah Tamil di Negeri Selangor disebabkan beberapa faktor termasuk peranan sekolah itu sendiri yang kekurangan program berasaskan sekolah yang komprehensif, guru yang tidak berusaha melibatkan ibu bapa dalam program mereka serta ibu bapa sendiri yang tidak menunjukkan minat bagi terlibat dalam program anjuran sekolah.

Selain daripada persepsi guru besar dan guru-guru kepada konsep rakan kerjasama dan tanggapan mereka kepada kepentingan penglibatan ibu bapa mungkin secara tidak langsung telah menyekat kewujudan kerjasama antara sekolah dan keluarga di sekolah Tamil.

Walaupun ada kajian yang berfokuskan kepada aspek tertentu dalam penglibatan ibu bapa, seperti peranan sekolah sebagai pendidik, peranan PIBG sekolah, jenis-jenis amalan penglibatan ibu bapa, dan halangan kepada ibu bapa telah dijalankan di Malaysia, namun tidak banyak kajian yang telah dibangunkan dengan memfokuskan kumpulan minoriti terutamanya etnik India.

Daripada kajian-kajian yang telah dilakukan berhubung etnik India ini, kebanyakannya pula memfokuskan kemiskinan hidup masyarakat ladang (Marimuthu, 1990)<sup>11</sup> dan kajian-kajian tentang buruh ladang (Anbalakan, 2008)<sup>12</sup>. Tidak banyak perhatian diberikan kepada soal pendidikan. Jika ada pun, kajian mengenai pendidikan lebih menyentuh tentang status dan peranan SJK(T) yang terdapat di kawasan-kawasan ladang (Santhiram, 1999)<sup>13</sup>.

Kajian-kajian yang menitikberatkan penglibatan ibu bapa dalam pendidikan pelajar-pelajar India tidak menjadi fokus utama perbincangan dari awal lagi.

Perkara ini juga telah ditekankan dan diutarakan oleh Menteri Pendidikan, Mahdzir Khalid (2016)<sup>14</sup> yang menyentuh isu penglibatan ibubapa dalam aktiviti di sekolah di seluruh negara dimana menurut beliau, statistik terkini memperlihatkan penglibatan ibubapa di sekolah Tamil berbeza mengikut setiap negeri, ada yang mencapai 50 peratus, dan ada yang hanya 40 peratus. Statistik itu dilihat masih belum mencapai tahap yang membanggakan dan perlu ditingkatkan di masa yang akan datang. Beliau turut menegaskan bahawa peranan ibu bapa pada masa kini bukan terhad kepada mengambil kad laporan anak-anak, akan tetapi memerlukan mereka untuk turut terlibat secara aktif dalam kegiatan anjuran sekolah.

### **Objektif Kajian**

Secara umumnya, kajian ini bertujuan untuk mengesahkan pendirian pengetua sekolah dan guru-guru mengenai kepentingan penglibatan ibu bapa dalam pencapaian akademik pelajar di sekolah Tamil melalui perkongsian sekolah dengan keluarga dan komuniti. Secara khususnya, kajian ini memberi fokus tentang konsep berkerjasama di antara sekolah, keluarga dan masyarakat, persepsi pendidik tentang kepentingan penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak, peranan pengetua sekolah dalam melibatkan ibu bapa dalam perihal persekolahan anak-anak mereka dan amalan guru dalam berhubung dengan keluarga pelajar.

### **Signifikan Kajian**

Dalam kajian ini, penekanan diberi untuk memahami bagaimana kerjasama sekolah dan keluarga boleh dijalankan dengan mengkaji tanggapan guru besar dan guru-guru terhadap konsep kerjasama dan persepsi mereka kepada kepentingan penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak. Begitu juga, amalan sekolah dalam penglibatan ibu bapa, amalan guru dalam berhubung dengan keluarga, model kerjasama yang dilakukan oleh sekolah Tamil dan halangan yang terpaksa ditempuhi akan di kaji.

Harapan bahawa kajian ini akan memberikan manfaat kepada semua guru di sekolah rendah yang telah mengenali dan menerima kepentingan penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak, ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam cara untuk melibatkan penglibatan dan pengawasan ibu bapa dan keluarga dalam pendidikan anak-anak supaya mereka mampu untuk memainkan satu peranan yang memberikan sokongan dengan membantu anak-anak dalam aktiviti pembelajaran mereka. Malahan, kajian ini juga akan dapat membantu sekolah Tamil dan guru-guru untuk memahami sempadan yang menghalang kerjasama antara sekolah dan keluarga supaya langkah pencegahan boleh diambil untuk mengatasi halangan yang dihadapi ibu bapa dan guru-guru daripada berkerjasama.

Kewujudan Persatuan Ibu Bapa Guru (PIBG) telah menyedarkan masyarakat bahawa pendidikan memerlukan kerjasama di antara ibu bapa dan guru untuk kemajuan pelajar (Epstein, 2005)<sup>15</sup>. Hubungan yang diutarakan terlalu bersifat subjektif. Bagi mengkaji kerjasama yang wujud di antara sekolah dan keluarga, khususnya diantara guru-guru dan ibu bapa, pengkaji akan menggunakan beberapa aspek sebagai tanda aras menilai tahap kerjasama yang wujud. Antaranya, aspek komunikasi, aspek keibubapaan, aspek pembelajaran di rumah dan juga aspek kesukarelaan yang wujud antara kedua-dua pihak yang akan memupuk rasa kerjasama yang diinginkan (Epstein, 2005)<sup>15</sup>. Corak perhubungan antara guru dan ibu bapa di sekolah perlu dikaji kerana mempunyai beberapa kepentingan.

Kajian ini akan dikemukakan kepada perancang Bahagian kurikulum dan kakitangan dalam Kementerian Pelajaran, terutamanya Bahagian Pendidikan Guru (BPG) untuk penilaian mereka dan tindakan bagi merangkumi kursus penglibatan ibu bapa dalam latihan pra-perkhidmatan dan dalam perkhidmatan guru. Tambahan pula, kajian ini akan dikemukakan kepada Institut Latihan Pentadbir Sekolah seperti Institut Aminuddin Baki (IAB) dan juga Majlis Guru Besar (MGB) supaya mereka dapat menggunakan maklumat ini dalam melatih pentadbir sekolah dan menyediakan guru besar sekolah dengan ilmu pengetahuan, kemahiran, dan sikap dalam cara untuk bekerjasama dengan ibu bapa dan keluarga dalam pendidikan anak-anak. Akhir sekali kajian ini akan menambah maklumat yang sedia ada berkaitan pengetahuan mengenai kerjasama sekolah dan keluarga, dan menyediakan maklumat untuk membantu asas bagi kajian yang berikutnya dalam penglibatan amalan ibu bapa terutamanya di sekolah rendah Tamil dan sekolah menengah lain di Malaysia. Perkara ini juga bermanfaat kepada mereka yang berhasrat untuk melakukan kajian mendalam mengenai aspek kerjasama antara sekolah dan keluarga.

## **Metodologi Kajian**

Kajian ini merupakan kajian penerokaan, di mana paradigma penyelidikan kualitatif yang digunakan adalah berasaskan siasatan naturalistik, yang juga dikenali sebagai “konstruktivisme”. Menurut Cresswell (2003)<sup>16</sup>, kaedah induktif adalah sangat berguna bagi membantu pemahaman terhadap fenomena sebenar dan bukan sahaja terhadap pendekatan terhadap positivisme (kuantitatif) konvensional sahaja.

Dalam kajian ini penggunaan teknik kualitatif sahaja didapati tidak mencukupi dalam mencapai matlamat. Oleh itu, pendekatan positivisme yang sesuai, yang bertujuan untuk melaksanakan pengurangan data, telah digunakan sebagai kaedah kuantitatif. Rekabentuk kaedah kuantitatif dalam kajian ini menggunakan kaedah “descriptive survey research” iaitu jenis rekabentuk kajian tinjauan.

Bagi kajian ini, guru-guru yang mempunyai lebih daripada 15 tahun pengalaman mengajar dalam perkhidmatan mereka akan dipilih secara rawak sebagai bilangan sampel yang layak (Betty, 2006)<sup>17</sup> dan (Epstein, 2001)<sup>18</sup>. Daripada sampel yang berkecukupan, sampel terakhir

untuk kajian ini terdiri daripada 285 orang guru yang berkhidmat lebih daripada 15 tahun dalam bidang pengajaran daripada 10 daerah di SJKT Selangor.

Kajian ini akan menggunakan instrumen soalan yang telah diubah suai dan dibentuk daripada Teori Epstein (2002)<sup>19</sup>. Soal selidik terdiri daripada tiga bahagian; Bahagian A akan mempunyai 3 soalan yang berkaitan dengan latar belakang responden, manakala Bahagian B telah menggunakan skala likert dengan nilai skor 1 hingga 5, yang merupakan perkara yang berkaitan dengan persoalan kajian yang telah diubah suai daripada aspek utama Teori Epstein (2002)<sup>19</sup> iaitu (aspek komunikasi, aspek keibubapaan, aspek pembelajaran di rumah, aspek sukarelawan, aspek membuat keputusan dan aspek kerjasama dengan masyarakat) yang mendorong kepada pencapaian akademik pelajar. Manakala Bahagian C terdiri daripada 20 soalan mengenai faktor pencapaian akademik. Bagi soalan temubual pula bahagian A mengandungi soalan mengenai faktor pencapaian akademik dan bahagian B pula soalan mengenai aspek penglibatan ibu bapa dalam pencapaian akademik pelajar. Tematik koding digunakan untuk merekod dapatan temubual seterusnya pola dibentuk untuk penghuraian dapatan temubual ini (Uma, 2003)<sup>20</sup>.

Kajian rintis telah dijalankan bagi pengesahan soal selidik. Sebanyak 20 sampel telah dipilih dan dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS untuk menentukan perkara-perkara yang perlu diubah suai atau dikekalkan untuk meningkatkan kebolehpercayaan instrumen dan menguatkuasakan soal selidik. Kesahihan soal selidik terbukti dengan nilai Alpha Cronbach sebanyak 0.6 dan ke atas.

Ujian statistik deskriptif kekerapan dan peratusan digunakan untuk menjelaskan penyaringan latar belakang responden. Ujian statistik inferensi korelasi Pearson digunakan untuk menentukan kekuatan hubungan antara pembolehubah berdasarkan bimbingan Cohen dengan tahap signifikan ditetapkan pada 0.05 / 0.01 dan ujian Korelasi Canonical digunakan untuk menentukan kekuatan hubungan antara pembolehubah berdasarkan panduan Hadoon dengan tahap signifikan ditetapkan pada 0.3.

## **Dapatan Kajian**

Jadual 1 menunjukkan kekerapan dan peratus pembahagian responden mengikut jantina, tahap pendidikan dan pengalaman mendidik.

Lebih 50% guru yang terlibat dalam kajian ini dipilih dari sekolah grade A manakala 43.1% dari sekolah grade B. Majoriti guru yang dipilih (65%) mempunyai 16-20 tahun pengalaman dalam bidang pendidikan.




Jadual 1

*Demografi Profil Responden (n=285)*

<b>Pembolehubah (n=285)</b>	<b>Frekuensi</b>	<b>Peratus</b>
<u>Gender</u>		
Lelaki	106	37.2
Perempuan	179	62.8
<u>Gred Sekolah</u>		
A	160	56.9
B	121	43.1
<u>Pengalaman sebagai guru terlatih</u>		
11 - 16	67	23.7
16 - 20	184	65.0
20 - 25	30	10.6
> 25	2	0.7


Bagi pembolehubah bebas, faktor pembelajaran di rumah mencatatkan skor min pencapaian tertinggi (3.66) diikuti oleh aspek sukarelawan, kerjasama dengan komuniti, ibu bapa, membuat keputusan dan komunikasi (Rajah 1).



*Rajah 1.* Nilai min faktor pembolehubah bebas untuk penglibatan ibu bapa berdasarkan Teori Epstein



Bagi pemboleh ubah bersandar, faktor motivasi mencatatkan purata pencapaian tertinggi (4.15), diikuti dengan gaya keibubapaan (4.12), gaya pembelajaran (4.08) dan personaliti (4.03) (Rajah 2).



Rajah 2. Nilai min faktor pemboleh ubah bersandar untuk penglibatan ibu bapa berdasarkan Teori Epstein

Kajian ini menunjukkan hubungan korelasi yang signifikan antara faktor-faktor pencapaian akademik dan aspek komunikasi ( $r = 0.114$ ,  $p < 0.05$ ), pembelajaran di rumah ( $r = 0.156$ ,  $p < 0.01$ ), membuat keputusan ( $r = 0.133$ ,  $p < 0.05$ ) dan kerjasama dengan komuniti ( $r = 0.226$ ,  $p < 0.01$ ). Sementara itu, aspek keibubapaan dan kesukarelawan tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan faktor pencapaian akademik.gaya ibu bapa (Jadual 2).

## Jadual 2

*Analisis Korelasi Pearson, Min, Sisihan Piawai Terhadap Penglibatan Ibu Bapa Dengan Faktor Pencapaian Akademik (Gaya Keibubapaan) (n=285)*

Pembolehubah	Gaya Keibubapaan	p	Min	SP
Komunikasi	.148*	0.013	3.46	0.28
Keibubapaan	.114	0.054	3.53	0.34
Pembelajaran di rumah	.156**	0.008	3.66	0.33
Kesukarelawan	.098	0.099	3.57	0.36
Membuat Keputusan	.133*	0.025	3.51	0.29
Kolaborasi dengan komuniti	.226**	0.000	3.54	0.37

\*\* Correlation is significant at the value of 0.01

\* Correlation is significant at the value of 0.05

Jadual 3 menunjukkan faktor pencapaian akademik personaliti. Dapatan analisis menunjukkan hubungan signifikan positif bagi aspek penglibatan ibu bapa iaitu kesukarelawanan dengan ( $r = 0.158$ ,  $p < 0.5$ ), aspek membuat keputusan dengan ( $r = 0.223$ ,  $p < 0.5$ ) dan kolaborasi dengan komuniti dengan ( $r = 0.145$ ,  $p < 0.1$ ). Manakala aspek komunikasi, keibubapaan dan pembelajaran di rumah menunjukkan hubungan yang tidak signifikan.

Jadual 3

*Analisis Korelasi Pearson, Min, Sisihan Piawai Terhadap Penglibatan Ibu Bapa Dengan Faktor Pencapaian Akademik Personaliti (n=285)*

Pembolehubah	Personaliti	p	Min	SP
Komunikasi	-.072	0.228	3.46	0.28
Keibubapaan	.075	0.209	3.53	0.34
Pembelajaran di rumah	-.064	0.282	3.66	0.33
Kesukarelawan	.158**	0.007	3.57	0.36
Membuat Keputusan	.233**	0.000	3.51	0.29
Kolaborasi dengan komuniti	.145*	0.014	3.54	0.37

\*\*Korelasi adalah signifikan pada tahap 0.01

\*Korelasi adalah signifikan pada tahap 0.05

Jadual 4 adalah aspek gaya belajar di mana dapatan analisis menunjukkan hubungan korelasi signifikan hanya bagi aspek kolaborasi dengan komuniti sahaja dengan ( $r = 0.164$ ,  $p < 0.1$ ). Manakala aspek komunikasi, keibubapaan, pembelajaran di rumah, kesukarelawanan dan membuat keputusan pula menunjukkan hubungan yang tidak signifikan.

Jadual 4

*Analisis Korelasi Pearson, Min, Sisihan Piawai Terhadap Penglibatan Ibu Bapa Dengan Faktor Pencapaian Akademik Gaya Belajar (n=285)*

Pembolehubah	Gaya Belajar	p	Min	SP
Komunikasi	.031	0.600	3.46	0.28
Keibubapaan	-.003	0.961	3.53	0.34
Pembelajaran di rumah	-.091	0.127	3.66	0.33
Kesukarelawan	.111	0.062	3.57	0.36
Membuat Keputusan	.083	0.163	3.51	0.29
Kolaborasi dengan komuniti	.164**	0.005	3.54	0.37

\* Korelasi adalah signifikan pada tahap 0.05

\*\*Korelasi adalah signifikan pada tahap 0.01

Berdasarkan Jadual 4.5 faktor pencapaian akademik bagi aspek motivasi pula dapatan analisis menunjukkan hubungan korelasi signifikan bagi aspek komunikasi dengan ( $r = 0.150$ ,  $p < 0.5$ ), aspek keibubapaan dengan ( $r = 0.141$ ,  $p < 0.1$ ), aspek pembelajaran di rumah dengan ( $r = 0.148$ ,  $p < 0.1$ ) dan aspek kolaborasi dengan komuniti dengan ( $r = 0.144$ ,  $p < 0.1$ ). Manakala aspek kesukarelawan, dan aspek membuat keputusan menunjukkan hubungan yang tidak signifikan.

Jadual 5

*Analisis Korelasi Pearson, Min, Sisihan Piawai Terhadap Penglibatan Ibu Bapa Dengan Faktor Pencapaian Akademik Motivasi (n=285)*

Pembolehubah	Motivasi	p	Min	SP
Komunikasi	.150*	0.011	3.46	0.28
Keibubapaan	.141*	0.017	3.53	0.34
Pembelajaran di rumah	.148*	0.012	3.66	0.33
Kesukarelawan	.086	0.149	3.57	0.36
Membuat Keputusan	.068	0.255	3.51	0.29
Kolaborasi dengan komuniti	.144*	0.015	3.54	0.37

\*\*Korelasi adalah signifikan pada tahap 0.01

\* Korelasi adalah signifikan pada tahap 0.05

## **Perbincangan**

Hasil kajian menunjukkan enam jenis penglibatan ibu bapa, iaitu keibubapaan, pembelajaran di rumah, komunikasi, sukarelawan, kolaborasi komuniti dan membuat keputusan yang digunakan untuk mengkaji penglibatan ibu bapa seperti yang diutarakan dalam Model Epstein (2005)<sup>16</sup> untuk pencapaian akademik. Aspek yang paling relevan dengan pencapaian tertinggi adalah aspek pembelajaran di rumah diikuti dengan kesukarelawan, kolaborasi dengan masyarakat, keibubapaan, membuat keputusan dan komunikasi. Semua persoalan kajian untuk aspek ini menyokong penemuan nilai min pada enam jenis penglibatan ibu bapa, menurut Epstein (2005)<sup>15</sup>. Data menunjukkan bahawa penglibatan ibu bapa dalam aspek pembelajaran di rumah menunjukkan nilai min yang tinggi, dan ini menyatakan bahawa ramai ibu bapa kini cenderung menghabiskan masa di rumah sambil membantu pelajar dalam aktiviti pembelajaran mereka di rumah (Moore dan Littlejohn, 1992)<sup>21</sup>. Analisis kajian juga menunjukkan nilai min penglibatan ibu bapa dalam aspek komunikasi pada tahap yang terendah. Ini mungkin disebabkan oleh kurangnya komunikasi antara guru di sekolah dengan ibu bapa. Komunikasi yang baik antara sekolah dan ibu bapa adalah penting kerana ibu bapa perlu mengemas kini dari segi prestasi dan kemajuan anak mereka. Ini disokong oleh kajian sebelumnya, di mana aspek komunikasi adalah aspek penting dalam memupuk kerjasama antara guru dan ibu bapa untuk memupuk pelajar yang efisien. (Projek Penyelidikan Keluarga Harvard 2005)<sup>22</sup>. Epstein (2015)<sup>15</sup> menghuraikan komunikasi sebagai "komunikasi dua hala, tiga hala dan pelbagai hala yang menghubungkan sekolah, keluarga dan komuniti". Guru dan ibu bapa boleh berkomunikasi dalam apa jua cara bagi membincangkan prestasi atau keraguan dalam mengajar anak-anak mereka di rumah, bila-bila masa (Baker dan Soden 1997)<sup>23</sup>.

Hasil analisis korelasi Pearson adalah untuk melihat hubungan antara penglibatan ibu dan faktor pencapaian akademik pelajar, seperti gaya keibubapaan, personaliti, gaya belajar dan motivasi. Analisis menunjukkan bahawa, faktor pencapaian akademik untuk aspek gaya keibubapaan hanya menunjukkan hubungan korelasi yang signifikan untuk aspek penglibatan ibu bapa seperti pembelajaran di rumah, komunikasi, membuat keputusan dan kerjasama dengan komuniti. Sementara itu, aspek keibubapaan dan sukarelawan tidak menunjukkan hubungan yang signifikan dengan faktor pencapaian akademik gaya keibubapaan. Ini bermakna, gaya keibubapaan yang positif akan dapat meningkatkan komunikasi dua hala antara guru dan ibu bapa.

Begitu juga, untuk faktor pencapaian akademik aspek personaliti, dapatan kajian menunjukkan hubungan positif yang signifikan untuk penglibatan ibu bapa, sukarelawan, membuat keputusan dan kolaborasi dengan komuniti. Melalui penglibatan ibu bapa sebagai sukarelawan di sekolah dalam program seperti program motivasi dan pembangunan diri, ibu bapa dapat berkongsi pengalaman dan rahsia kejayaan mereka dengan pelajar, dan ini dapat memberikan semangat dan personaliti positif kepada pelajar untuk meningkatkan pencapaian akademik mereka untuk berjaya di luar persekitaran sekolah. Selain itu, semangat kerjasama

antara sekolah dan ibu bapa dalam proses membuat keputusan bersama dalam aktiviti sekolah akan mewujudkan keperibadian positif di kalangan pelajar yang melihatnya sendiri.

Bagi faktor pencapaian akademik gaya pembelajaran, hasil dapatan kajian, menunjukkan korelasi yang signifikan hanya untuk aspek kolaborasi dengan komuniti sahaja. Sementara itu, aspek komunikasi, keibubapaan, pembelajaran berasaskan rumah, sukarelawan, dan membuat keputusan tidak menunjukkan hubungan yang signifikan. Peranan golongan ibu bapa dengan masyarakat menetapkan cabaran bagi para pelajar, dengan demikian memupuk dalam diri mereka dengan program pendidikan dan kem motivasi dengan kerjasama NGO, menyediakan persekitaran pembelajaran yang kondusif dan menawarkan sokongan kewangan yang diperlukan bagi mereka yang memerlukan. Ini akan terus menggalakkan gaya pembelajaran positif dan secara langsung akan meningkatkan pencapaian akademik.

Bagi faktor pencapaian akademik motivasi, hasil analisis menunjukkan hubungan korelasi yang signifikan untuk aspek komunikasi, keibubapaan, pembelajaran berasaskan rumah, dan kolaborasi dengan komuniti. Sementara itu, aspek sukarelawan dan membuat keputusan menunjukkan hubungan yang tidak signifikan. Secara ringkas, aspek komunikasi positif dan keibubapaan secara langsung akan meningkatkan motivasi pelajar untuk mencapai pencapaian yang cemerlang. Ibu bapa juga harus sentiasa memotivasikan anak-anak mereka ke arah kecemerlangan akademik dengan menyediakan jadual waktu yang sesuai untuk kanak-kanak melakukan kerja rumah, ulang kaji di rumah dan menyerlahkan pengalaman akademik mereka, kreativiti dan bakat seni (Epstein, 1995)<sup>5</sup>.

## **Cadangan**

Berdasarkan dapatan kajian dan perbincangan kajian yang dijalankan, beberapa cadangan disarankan agar dapat dilaksanakan oleh pihak sekolah selain mengajar di sekolah dan juga pihak kementerian melalui program sarana ibu bapa tidak kecuali masyarakat luar melalui pertubuhan bukan kerajaan demi meningkatkan pencapaian akademik pelajar. Ini jelas dinyatakan dalam anjakan kesembilan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) yang memberikan penekanan terhadap penglibatan ibu bapa, komuniti dan pihak swasta dalam memperkasakan sekolah. Soal selidik yang digunakan untuk menjalankan kajian ini telah dibeli dari John Hopskin Universiti dimana soal selidik ini disediakan oleh Joyce Epstein sendiri. Pengkaji masa depan boleh mengadaptasi soal selidik ini untuk kajian mereka sama ada di SJKT ataupun SK. Soal selidik ini boleh digunakan untuk kajian kualitatif dan juga kajian kuantitatif.

Penglibatan ibu bapa dengan sekolah boleh diklasifikasikan sebagai ibu bapa mengambil peranan sebagai guru, pemimpin, penderma dan rujuk pakar. Aspek penglibatan ini tidak dinyatakan dalam teori Epstein akan tetapi aspek ini telah dikenalpasti dalam temubual dan telah diamalkan di setiap sekolah yang terlibat dalam kajian ini. Penganjuran bengkel dan seminar oleh pihak sekolah boleh membantu komunikasi yang baik antara guru dan ibu bapa seterusnya

boleh meningkatkan pencapaian akademik pelajar. Menurut Ernape (2007)<sup>24</sup> dalam kajiannya mengenai aspek pembelajaran di rumah guru juga berperanan sebagai pemantau dengan melawat ke rumah para pelajar bagi memperkukuhkan lagi proses pengajaran dan pembelajaran yang berlaku di sekolah bagi meningkatkan lagi pencapaian akademik.

Sekolah melalui PIBG dan bantuan NGO lain perlu memainkan peranan sebagai pendidik kepada ibu bapa dengan mengambil inisiatif bagi menganjurkan acara ceramah dan kaunseling kepada ibu bapa bagi mencelikkan mereka dengan aspek-aspek yang harus mereka berikan kepada anak-anak mereka bagi mewujudkan generasi yang berjaya dari segi pendidikan. Selain itu, sekolah perlu melibatkan ibu bapa, penjaga dan komuniti setempat dalam aktiviti-aktiviti yang dianjurkan seperti Hari Kantin, Hari Keluarga, Hari Sukan, Hari Pendidikan dan sebagainya.

Disebabkan kajian berkaitan mengenai kepentingan penglibatan ibu bapa dalam pencapaian akademik melalui kerjasama antara sekolah dan komuniti masih kurang diberi perhatian, terutamanya di Sekolah Rendah Tamil penyelidik berpendapat kajian selanjutnya perlu dilaksanakan di setiap negeri bagi mengetahui sejauhmana penglibatan ibu bapa melalui kerjasama antara sekolah memberi impak berkesan kepada pencapaian akademik pelajar. Cabaran perlu diatasi bersama bagi pengisian Wawasan 2020 dan juga Pelan Pendidikan Negara yang dilancarkan PPPM (2013-2025) dalam melahirkan masyarakat yang cemerlang.

## **Penutup**

Secara umumnya dapatan kajian menyatakan mengikut pendekatan Model Epstein pengkaji mendapati penglibatan ibu bapa hanyalah dilihat dalam aspek pembelajaran di rumah, kesukarelawanan, kolaborasi dengan komuniti, keibubapaan pada tahap sederhana sahaja. Manakala aspek komunikasi, tidak mempunyai hubungan signifikan walaupun dapat dilihat wujudnya akan tetapi pada kadar yang rendah sahaja. Daripada kajian dapat dilihat penglibatan ibu bapa dalam aspek komunikasi adalah tidak menggalakkan. Ini menunjukkan tidak ada hubungan dua hala yang positif antara sekolah dan ibu bapa. Sekolah digalakkan untuk mendapatkan kerjasama secara sukarela daripada pertubuhan kerajaan mahupun swasta dalam komuniti bagi memperluaskan lagi infrastruktur bagi pembelajaran murid-murid. Pada abad ke-21 ini, suasana pendidikan berubah menjadi satu persekitaran yang sangat luas dan tidak terhad kepada bilik darjah berdingding empat. Sehubungan dengan itu, pembelajaran boleh berlaku di mana-mana dan bila-bila masa.

---

**Rujukan**

1. Mohd. Amin H. A. Shariff. (1998). *Development of adolescent: Perspectives, insights and interpretations (Perkembangan remaja: Pandangan, pemahaman dan interpretasi)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
2. Noraini Ahmad. (2002). *Series of motivations and messages: Family counselling (Siri motivasi dan kecemerlangan utusan: Kaunseling kekeluargaan)*. Cheras: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
3. Coleman, J. (2006). Social capital in the creation of human capital. *American Journal of Sociology, Modified Version, 94*, S95-S120.
4. Merton, R. K. (2006). *Sociological ambivalence and other essays*. New York: The Free press.
5. Epstein, J. L. (1994). *Reliabilities and summaries of scale: School and family partnership surveys of teachers and parents in the elementary and middle grades*. Baltimore: John Hopkins University.
6. Lawson, H. A. & Hooper-Briar, K. (1997). *Connecting the dots: Progress toward the integration of school reform, school-linked services, parent involvement and community schools*. Oxford, Ohio: The Danforth Foundation and The Institute For Educational Renewal at Miami University.
7. Epstein, J. L. (1991). Paths to partnership: What we can learn from federal, state, district and school initiatives. *Phi Delta Kappan, 72(5)*: 344 - 449.
8. Shartrand, A., & Erickson. (1997). *Preparing teachers to involve parents. A national survey of teacher education programs*. Cambridge, MA: Harvard Family Research Project.
9. Bachman. J. Heather. (2010). Parent involvement and children's academic and social development in elementary school. *Child Devolepment Journal, 81(3)* 988-1005.
10. Dhanapal, R. (2007). *Relationship of Academic Climate between Tamil Primary School Students with Self-Concept, Self-Reliance and Intellectual Readiness (Hubungan iklim akademik murid Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dengan konsep sendiri, relians sendiri dan kesediaan intelek)*. (Unpublished PhD Thesis). Pulau Pinang: University Science Malaysia.
11. Marimuthu. (1990). *Introduction to education sociology (Pengenalan sosiologi pendidikan)*. Shah Alam: Fajar Bakti.
12. Anbalakan. K. (2008). *Indians identity in Malaysia (Identiti India di Malaysia)*. Penang: University Science Malaysia Publication.
13. Santhiram, R. (1999). *Education of minoritie: The case of Indians in Malaysia*. Kuala Lumpur: Child Information, Learning And Development Centre.
14. Mahdzir Khalid. (2016). Conference of Tamil School Boards at Institution of Aminuddin Baki (Persidangan Lembaga Pengelola Sekolah- Sekolah Tamil di Institut Aminuddin Baki), Genting Highlands. Parental Involvement must be Increased in School (Penglibatan Ibubapa perlu ditingkatkan di sekolah).
15. Epstein, J. L. (2005). Forward. In Patrikakaou, E., Weissberg, R., Redding, S. Wallberg, H. (Eds.), *School-family partnerships for children's success: The series on social emotional learning (pp.vii-xi)*. New York: Teachers College Press.
16. Creswell, J. W. (2003). *Research designs: Qualitative, quantitative and mixed method approaches (2nd ed.)*. California: Sage Publication Inc.
17. Betty Boulton. (2006). *176 Ways to involve parents: Practical strategies for partnering with families*. Corwin Press, Inc. A Sage Publications Ltd.



18. Epstein, J. L. (2001). *School, family, and community partnerships: Preparing educators and improving schools*. Boulder, CO: Westview Press.
19. Epstein, J. L. (2002). *School, family, and community partnerships: Your handbook for action (2nd ed.)*. Thousand Oaks, CA: Corwin.
20. Uma Sekaran (2003). *Research method for business: A skill building approach. (4th ed)*. John Wiley & Sons.
21. Moore. D., & Littlejohn, W. (1992). Trends toward increased family-school Collaboration. *Contemporary education*, 64(1) 40 - 45.
22. Harvard Family Research Project. (2005). *Parental involvement and student achievement: A meta-analysis*.
23. Baker, A. J. L. & Soden, L. M. (1997). *Parent involvement in children's education: A critical assessment of the knowledge base*. New York: National Council of Jewish Women's Centre for the Child.
24. Ernape. (2007). *Abstract of previous studies on parental involvement – school (Abstrak kajian-kajian lepas berkaitan penglibatan ibubapa – sekolah)*. Cyprus University, Nicosia Cyprus. (Access date 4.10.2007).

**Citation in Malay**

Shanti Ramalingam., Mahendran Maniam., & Gunasegaran Karuppanan. (2019). Penglibatan ibu bapa dalam pencapaian akademik pelajar Sekolah Tamil di Selangor. *Muallim Journal of Social Science and Humanities*, 3(3), 308-323. <https://doi.org/10.33306/mjssh/24>

**Citation**

Shanti Ramalingam., Mahendran Maniam., & Gunasegaran Karuppanan. (2019). Parents involvement in Selangor Tamil School students' academic achievement. *Muallim Journal of Social Science and Humanities*, 3(3), 308-323. <https://doi.org/10.33306/mjssh/24>